



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 29 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



29/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	RAKYAT DISERU UTAMAKAN KESELAMATAN, JKM PASTIKAN BANTUAN DITERIMA SECEPAT MUNGKIN		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/rakyat-diseru-utamakan-keselamatan,-jkm-pastikan-bantuan-diterima-secepat-mungkin	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2496398	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-rakyat-diminta-utamakan-keselamatan-jkm-sedia-aktifkan-pps-tambahan-nancy-549570	ASTROAWANI.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/28/27489-mangsa-banjir-jkm-sedia-aktifkan-pps-tambahan/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/27489-mangsa-banjir-terjejas-jkm-sedia-aktifkan-pps-tambahan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://utusan-sarawak.com.my/kpwkm-perhebat-tindakan-jkm-hadapi-banjir-terukdi-beberapa-negeri/	UTUSANSARAWAK.COM.MY	
	https://suarasarawak.my/jkm-tingkat-kesiapsiagaan-kpwkm-pantau-rapat-situasi-banjir-nancy-shukri/	SUARASARAWAK.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/kerajaan-sedia-aktifkan-pusat-pemindahan-banjir/	THESUN.MY	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/kpwkm-urges-caution-as-floods-claim-two-lives-in-kelantan/	THESUN.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/28/floods-social-welfare-dept-ready-to-activate-additional-relief-centres-says-nancy	THESTAR.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/28/dua-korban-akibat-banjir-di-kelantan-utamakan-keselamatan-keluarga-nancy/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.catsfm.my/whats-hot/4851	CATSFM.MY	
	https://ohmymedia.cc/kpwkm-seru-rakyat-utamakan-keselamatan	OHMYMEDIA.CC	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



29/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KES KEGANASAN TERHADAP WANITA MEMBIMBANGKAN – NANCY		NEUTRAL
	https://www.sinarharian.com.my/article/758432/berita/nasional/kes-keganasan-terhadap-wanita-membimbangkan-ndash-nancy	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/116182/rising-cases-prompts-greater-efforts-to-lesser-violence-against-women	THEVIBES.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=IAEBp2Bj15E	YOUTUBE	
	https://www.sinardaily.my/article/732058/focus/national/violence-against-women-alarmingly-high-minister-urges-collective-action	SINARDAILY.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	BACAAN KALI PERTAMA RUU ANTI BULI FOKUS MAJORITI KES		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/11/1293241/bacaan-kali-pertama-ruu-anti-buli-fokus-majoriti-kes	HMETRO.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/116173/bullying-must-be-stopped-landmark-anti-bullying-bill-set-to-be-tabled-on-dec-1	THEVIBES.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	SUHAKAM SOKONG RUU ANTI BULI, FOKUS PEMULIHAN		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1293414/suhakam-sokong-ruu-anti-buli-fokus-pemulihan	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	ASN B RAIKAN SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK KEBANGSAAN 2025		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/11/28/asnb-raikan-sambutan-hari-kanak-kanak-kebangsaan-2025	UTUSANBORNEO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



29/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	ANEMIA: KIRA-KIRA 70,000 KANAKKANAK SELURUH NEGARA DISARING DI BAWAH INISIATIF DANONE-KPWKM		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2496519	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2496460	BERNAMA.COM	
	https://newswav.com/article/70-000-malaysian-children-screened-for-iron-deficiency-anaemia-as-parents-e-A2511_jDc3TN	NEWSAV.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	JKM PERKEMAS PENGURUSAN PENDUDUK TERJEJAS BANJIR		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jkm-perkemas-pengurusan-penduduk-terjejas-banjir	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	HOLISTIC DEVELOPMENT PRIORITY FOR CHILDREN UNDER WELFARE DEPT'S CARE		POSITIF
	https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2025/11/28/holistic-development-priority-for-children-under-welfare-depts-care	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	KEHAMILAN LUAR NIKAH REMAJA REALITI MEMBIMBANGKAN PERLU PENCEGAHAN BERSEPADU		NEUTRAL
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1477617/kehamilan-luar-nikah-remaja-realiti-membimbangkan-perlu-pencegahan	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



29/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	NADMA HANTAR 170,000 BEKALAN MAKANAN, SEDIA TAMBAH BANTUAN BANJIR		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/nadma-hantar-170,000-bekalan-makanan,-sedia-tambah-bantuan-banjir	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1293512/banjir-bantuan-tambahan-dihantar-ke-beberapa-negeri-nadma	HMETRO.COM.MY	
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2496583	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/nadma-coordinates-additional-aid-as-flood-situation-worsens/	THESUN.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/11/28/flood-response-escalates-as-nadma-rushes-food-tents-and-bridges-to-affected-states/200047	MALAYMAIL.COM	
	https://www.edgeprop.my/content/1914608/nadma-attributes-flooding-low-risk-areas-anomaly-rainfall	EDGEPROP.MY	
	https://www.bernama.com/en//general/news.php?id=2496578	BERNAMA.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1325168/nadm-a-coordinate-sending-additional-aid-flood-worsens	NST.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=c7Dt7haKH1o	YOUTUBE	
	https://www.thevibes.com/articles/news/116051/ngos-urged-to-coordinate-flood-aid-with-local-crisis-centres-amid-rising-evacuation-numbers	THEVIBES.COM	
	https://www.buletintv3.my/nasional/nadma-tingkat-kesiapsiagaan-logistik-bencana-di-negeri-terjejas-banjir/	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	JBPM SEDIA GERAKKAN ASET RENTAS NEGERI HADAPI BANJIR		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/jbpm-sedia-gerakkan-aset-rentas-negeri-hadapi-banjir/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2496603	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2496576	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



29/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	JUMLAH MANGSA BANJIR MENURUN KEPADA 29,804 ORANG DI 9 NEGERI		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/jumlah-mangsa-banjir-menurun-kepada-29804-orang-di-9-negeri/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1293277/jumlah-mangsa-banjir-di-9-negeri-menurun-pagi-ini	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1477992/jumlah-mangsa-banjir-berkurangan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1293416/air-semakin-surut-situasi-banjir-kedah-tunjuk-perkembangan-positif	HMETRO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1293589/mangsa-banjir-di-lima-negeri-terus-meningkat-malam-ini	HMETRO.COM.MY	
	https://theedgemalaysia.com/node/783189	THEEDGEMALAYSIA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	'RUNNER' JPN WARGA EMAS MENGAKU TIDAK BERSALAH PERDAGANG BAYI PEREMPUAN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1293345/runner-jpn-warga-emas-mengaku-tidak-bersalah-perdagang-bayi-perempuan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/28/wanita-warga-emas-didakwa-eksploitasi-bayi-perempuan/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/11/28/elderly-woman-in-penang-claims-trial-to-trafficking-newborn-girl	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/28/runner-tak-mengaku-salah-perdagangkan-bayi-perempuan/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/11/1324904/elderly-nrd-runner-pleads-not-guilty-trafficking-baby	NST.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/116197/62-year-old-nrd-runner-charged-with-trafficking-infant-for-exploitation-in-2021-pleads-not-guilty	THEVIBES.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



29/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
14	PEMUDA 'SKODENG' WANITA DALAM TANDAS DICEKUP		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/28/pemuda-skodeng-wanita-dalam-tandas-dicekup/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/758566/berita/semasa/lelaki-rakam-wanita-dalam-tandas-pusat-beli-belah-dicekup-polis	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/28/polis-tahan-lelaki-cuba-rakam-video-wanita-dalam-tandas/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.buletintv3.my/nasional/tabiati-lelaki-intai-tandas-wanita-terbongkar/	BULETINTV3.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/28/police-arrest-man-suspected-of-recording-woman-in-terengganu-shopping-mall-toilet	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
15	LELAKI DITAHAN CABUL REMAJA PEREMPUAN DI PPS		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1477879/lelaki-ditahan-cabul-remaja-perempuan-di-pps	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1293447/pemuda-cabul-remaja-perempuan-ketika-di-pps	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/11/lelaki-dicekup-cabul-remaja-perempuan-di-pps/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/28/mangsa-banjir-dicekup-sentuh-remaja-perempuan-di-pps/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/758538/berita/semasa/mangsa-banjir-dicekup-cabul-remaja-perempuan-di-pps	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1325125/police-arrest-man-allegedly-molesting-16-year-old-bachok-flood-relief	NST.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/11/28/man-nabbed-for-allegedly-molesting-teen-at-temporary-flood-relief-centre	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/polis-tahan-lelaki-disyaki-cabul-remaja-bawah-umur-di-pps/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Rakyat diseru utamakan keselamatan, JKM pastikan bantuan diterima secepat mungkin

Nasional - Dicipta: 28 November 2025 12:56 PM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri / Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR, 28 November – Rakyat diseru supaya mengutamakan keselamatan diri dan keluarga, susulan negara kini berdepan fasa cuaca tidak menentu dan mencabar.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri menegaskan, semua penduduk di kawasan berisiko perlu sentiasa berwaspada, mematuhi arahan pihak berkuasa dan segera berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) sekiranya diarahkan.

"Utamakan keselamatan ahli keluarga, khususnya kanak-kanak, warga emas dan golongan orang kurang upaya (OKU), serta elakkan berada berhampiran sungai, kawasan rendah dan lokasi yang mudah dinaiki air.

"Mereka yang memerlukan bantuan boleh mendapatkan sokongan di PPS terdekat atau menghubungi saluran kecemasan rasmi," katanya dalam kenyataan hari ini.

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan terus memantau keadaan dari semasa ke semasa, serta memastikan setiap keluarga terkesan menerima bantuan secepat mungkin dengan penuh empati.

Sebagai langkah kesiapsiagaan, JKM telah digerakkan sejak awal bersama kerajaan negeri dan agensi bencana lain.

"JKM juga bersedia mengaktifkan PPS tambahan pada bila-bila masa sekiranya keadaan cuaca bertambah buruk.

"Bekalan makanan, selimut dan keperluan asas berada pada paras mencukupi dan akan terus diagihkan mengikut keperluan mangsa di lapangan," katanya.

Dalam pada itu, Datuk Seri Nancy dan seluruh warga KPWKM menzahirkan dukacita terhadap dua kes kematian akibat banjir yang direkodkan di Kelantan, masing-masing di Gua Musang pada 21 November 2025 dan Tanah Merah (26 November 2025).

"Takziah kepada keluarga mangsa dan semoga mereka diberi kekuatan menghadapi detik yang amat sukar ini," katanya.

Setakat 28 November 2025, banjir di seluruh negara kekal serius dengan 242 PPS beroperasi, melibatkan 9,033 keluarga dan 27,489 mangsa.

Amaran cuaca yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) pada 27 November 2025 menunjukkan hujan sangat lebat dan berterusan dijangka berlaku di beberapa negeri termasuk Terengganu, Pahang, Selangor, Putrajaya dan Negeri Sembilan.

Beberapa negeri lain seperti Perak, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Johor turut berada pada tahap amaran buruk dan waspada, yang boleh meningkatkan risiko banjir kilat, limpahan sungai serta tanah runtuh, terutama di kawasan rendah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kes keganasan terhadap wanita membimbangkan – Nancy



WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

Follow

28 November 2025 09:45am



Nancy (empat kanan) bersama penerima-penerima anugerah selepas melancarkan Sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita (EVAW) 2025 di Dataran Lang, di Langkawi.

LANGKAWI – Kes keganasan terhadap wanita di negara ini masih berada pada tahap yang membimbangkan meskipun pelbagai usaha dilakukan kerajaan, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata, statistik terkini yang dibentangkan Jawatankuasa Kerja Data Keganasan Rumah Tangga sehingga Jun 2025 menunjukkan lima negeri terus mencatat jumlah kes tertinggi iaitu Selangor, Perak, Johor, Kedah dan Sabah.

"Ini realiti yang perlu kita akui. Keganasan terhadap wanita masih berlaku dan memerlukan tindakan bersama semua pihak, bukan hanya KPWKM," katanya ketika melancarkan Sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita (EVAW) 2025 di Dataran Lang, di sini.



Sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita (EVAW) 2025 dilancarkan di Dataran Lang, di Langkawi.

Menurutnya, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan 101 program advokasi dari Januari hingga Oktober tahun ini melibatkan lebih 74,397 peserta, selain program kesedaran di sekolah yang melibatkan hampir 4,000 pelajar.

Katanya, penganjuran program seumpama itu penting bagi mengubah persepsi masyarakat terhadap isu keganasan rumah tangga dan gangguan seksual serta memberi pendedahan kepada golongan muda mengenai cara melindungi diri.

"JPW juga telah memperkenalkan panduan Kit Keganasan Rumah Tangga (KRT) dengan nama Kit CeKaL yang membawa maksud Kit Tindakan Cemas, Kemas dan Lari pada 20 Ogos lalu.

"Kit ini merupakan sebuah beg yang disediakan lebih awal oleh mangsa sebagai persediaan untuk menyelamatkan diri dengan cepat apabila berlaku situasi yang berbahaya atau mengancam nyawa," ujarnya.

Tanggungjawab bersama



NANCY

Dalam majlis yang sama, Nancy turut menzahirkan kebimbangan berhubung peningkatan ketara kes gangguan seksual berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Kes gangguan seksual meningkat dari 477 kes pada 2022, naik kepada 522 kes pada 2023 dan melonjak kepada 788 kes pada 2024. Lebih membimbangkan, sehingga Oktober 2025 sahaja, 872 kes direkodkan," katanya.

Beliau menyeru masyarakat perlu lebih prihatin terhadap keadaan orang sekeliling, kerana kadangkala tindakan kecil mampu memberi impak besar.

"Satu soalan mudah, 'Awak OK tak?' boleh menyelamatkan nyawa. Keselamatan wanita adalah tanggungjawab kita semua," tambah beliau.

Majlis EVAW di Langkawi turut menyaksikan ikon Burung Helang disinari cahaya warna oren sebagai tanda solidariti dan komitmen nasional terhadap usaha menamatkan keganasan terhadap wanita.



Majlis EVAW di Langkawi turut menyaksikan ikon Burung Helang disinari cahaya warna oren sebagai tanda solidariti dan komitmen nasional terhadap usaha menamatkan keganasan terhadap wanita.

Dalam rangka lawatan ke pulau pelancongan itu, beliau turut merasmikan Program Toleransi Sifar Keganasan yang merupakan inisiatif pencegahan dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu gangguan seksual.

Usaha itu adalah inisiatif pencegahan yang memberi tumpuan kepada pendidikan masyarakat tentang isu gangguan seksual di tempat kerja, institusi pendidikan dan komuniti.

Nancy juga mempengerusi Mesyuarat Majlis Wanita dan Keluarga Negara (MWKN) yang telah membentangkan hala tuju, dasar serta strategi berkaitan pemerkasaan wanita dan pembangunan keluarga.

Mesyuarat ini merupakan satu platform strategik yang membincangkan isu, mengemukakan nasihat serta syor berkaitan isu wanita serta keluarga bagi memastikan isu-isu berkepentingan yang dibincangkan, didengari dan dibawa ke peringkat yang lebih tinggi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bacaan kali pertama RUU Anti Buli fokus majoriti kes

Hafiz Ikhin
hafizikhin@mediaprima.com.my



Gambar hiasan

Kuala Lumpur: Rang undang-undang (RUU) Anti Buli yang dibentangkan di Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama pada 1 Disember ini adalah untuk menangani majoriti kes yang sedang dihadapi negara, khususnya membabitkan kanak-kanak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri berkata, tujuan utama RUU Anti Buli adalah untuk menangani majoriti kes yang sedang dihadapi negara, khususnya membabitkan kanak-kanak.

"Kita mahu membantu bukan saja mangsa buli, tetapi juga ibu bapa agar mereka memahami tanggungjawab masing-masing serta jelas mengenai apa yang dikategorikan sebagai buli. Lebih-lebih lagi kerana sebelum ini tiada definisi rasmi mengenai pembuli dalam undang-undang," katanya kepada Harian Metro.

Pada 18 November lalu, KPWK memperkenalkan Dasar Kanak-Kanak Negara dan Pelan Tindakan (2026-2030) yang disokong 141 tindakan di bawah 16 keutamaan strategik.

Di bawah dasar berkenaan turut menyentuh mengenai isu buli yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak antaranya buli siber.

Nancy berkata, dasar itu mempunyai objektif strategik panjang dan mempunyai pelan tindakan yang selari dengan Convention on the Rights of Children (CRC) ratifikasi pada Februari 1995.

"Apapun yang kita lakukan, kita harus berkaitan dengan CRC. Mengenai elemen buli memang ada dimasukkan di dalam dasar ini. Paling penting, topik berdasarkan isu terbaru, termasuk buli terutama membabitkan atas talian.

"Pelan tindakan asas sangat penting. Kami bekerjasama dengan ASEAN dan negara lain.

Australia adalah salah satu negara yang menyokong kami dan juga Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF).

"Oleh itu, komuniti, pemerintah, badan bukan kerajaan (NGO) dan ibu bapa terutamanya, perlu bekerjasama dengan satu sama lain supaya kita dapat menangani isu buli," katanya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, RUU yang diluluskan Jemaah Menteri pada 21 November lalu itu bagi memperkukuh usaha pencegahan dan perlindungan terhadap isu buli, khususnya dalam kalangan kanak-kanak bagi Fasa Pertama.

Azalina berkata, keseluruhan kerangka RUU Anti Buli bersifat sivil, yang menekankan keperluan untuk memperkukuh mekanisme pencegahan, perlindungan mangsa serta pemulihan pelaku.

PIBGN gesa tubuh suruhanjaya siasatan khas tangani buli

Peningkatan berterusan kes buli di sekolah kini menjadi isu yang semakin membimbangkan ibu bapa.

Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), Prof Madya Datuk Dr Mohamad Ali Hasan berkata, pihaknya menggesa supaya kerajaan mewujudkan Akta Anti-Buli dan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Khas bagi menangani masalah itu secara menyeluruh.

Beliau turut menyifatkan situasi buli dalam kalangan pelajar sekolah ketika ini sebagai membimbangkan dan tidak boleh dipandang ringan.

"Kerajaan perlu mengambil langkah drastik termasuk menubuhkan satu Suruhanjaya Kesihatan Pelajar bagi menyiasat punca, trend dan faktor dalaman serta luaran yang menyebabkan kes buli meningkat dari tahun ke tahun.

"Isu buli perlu diberhentikan. Kita mahukan sifar buli di sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT).

"Sudah tiba masanya satu suruhanjaya khas ditubuhkan untuk meneliti, menyiasat dan memberi cadangan lengkap untuk membanteras gejala ini," katanya.

Katanya, pihaknya memberi sokongan penuh agar undang-undang khas itu diwujudkan segera, lengkap dengan elemen siasatan yang rapi tanpa prejudis.

"Bukan saja pembuli, malah pembantu pembuli, saksi pasif dan pihak yang cuai perlu dinilai dalam siasatan. Undang-undang mesti menyeluruh dan adil.

"Ibu bapa juga tidak boleh melepaskan tanggungjawab mendidik anak kepada sekolah semata-mata," katanya.

Katanya, pendidikan anak bukan tugas guru sahaja. Ibu bapa mesti sedar bahawa mereka adalah penjaga utama. Tanpa kerjasama, undang-undang menjadi tidak berkesan.

"Objektif utama bukan sekadar menghukum pelaku, tetapi untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang harmoni, selamat dan kondusif untuk anak-anak belajar.

"Kita bukan hanya mahu turunkan statistik. Kita mahu banteras buli sepenuhnya. Kita mahu sekolah aman, guru tidak tertekan dan pelajar boleh belajar tanpa takut," katanya.

Beliau berharap RUU Anti Buli dipercepatkan sebelum keadaan menjadi lebih parah, sekali gus memastikan Malaysia berada di landasan terbaik mencapai matlamat sifar buli dalam sistem pendidikan nasional.

Disiarkan pada: November 28, 2025 @ 7:10am

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



SUHAKAM sokong RUU Anti Buli, fokus pemulihan

Hafiz Ikhlin
hafizikhlin@mediaprima.com.my



Mohd Al Adib Samuri.

Kuala Lumpur : Pesuruhjaya Kanak-kanak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Mohd Al Adib Samuri melihat langkah kerajaan memperkenalkan Rang Undang-Undang (RUU) Anti Buli sebagai usaha memperkukuh perlindungan terhadap kanak-kanak.

Beliau berkata, RUU ini tidak bertujuan menggantikan undang-undang jenayah sedia ada seperti Kanun Keseksaan atau Akta Kanak-Kanak 2001, sebaliknya berfungsi sebagai mekanisme alternatif penyelesaian sivil dan pemulihan bagi kes-kes buli yang tidak sampai ke tahap jenayah berat.

"Tribunal Anti Buli yang dicadangkan hanya berperanan untuk menyelesaikan pertikaian sivil serta melaksanakan intervensi dan pemulihan terhadap pelaku dan mangsa.

"Kes-kes berat yang membabitkan kecederaan serius, ugutan atau penderaan kekal di bawah bidang kuasa sistem peradilan jenayah kanak-kanak sedia ada," katanya.

Katanya, Tribunal Anti Buli mesti ditakrif dengan jelas supaya tidak bertindih dengan peranan mahkamah atau pihak polis.

"Kami ingin menegaskan keperluan dalam RUU ini untuk memasukkan peruntukan pelaksanaan yang memperincikan bila sesuatu kes wajar dirujuk ke tribunal dan bila ia perlu diserahkan kepada pihak berkuasa untuk siasatan jenayah.

"Kelemahan undang-undang sedia ada ialah ia hanya menangani buli yang berbentuk jenayah, manakala banyak kes di sekolah tidak sampai ke tahap itu," katanya.

Menurutnya, RUU itu memperkenalkan jalan penyelesaian alternatif sivil dan intervensi pemulihan, membolehkan tindakan diambil lebih awal sebelum ia menjadi kes jenayah.

"Namun, keberkesanananya bergantung pada pelaksanaan yang konsisten, kecekapan tribunal dan latihan kepada pihak sekolah serta pegawai pelaksana.

"RUU ini boleh membantu mengurangkan kes buli sekiranya ia dilaksanakan bersama pendekatan pendidikan dan pencegahan," katanya.

Adib berkata, tribunal yang berorientasikan pemulihan dapat menghantar mesej tegas bahawa buli mempunyai akibat undang-undang, sambil memberi ruang kepada pelaku dan mangsa untuk dipulihkan.

"Namun, tanpa latihan guru, program kesedaran ibu bapa, dan sistem sokongan psikososial, impak RUU ini mungkin terhad.

"RUU ini perlu disokong dengan mekanisme pelaporan yang selamat, berstruktur dan mesra kanak-kanak di sekolah, selaras dengan sistem sedia ada di bawah Akta Kanak-Kanak 2001," katanya.

Menurutnya, setiap kes yang diselesaikan melalui tribunal hendaklah direkodkan dan dilaporkan secara berkala kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta Pejabat Pendidikan Daerah atau Negeri untuk tujuan pemantauan, analisis trend dan keberkesanan intervensi.

Ketika ditanya mengenai kebimbangan bahawa RUU ini boleh menjejaskan hak kebebasan bersuara atau hak kanak-kanak, beliau berkata, RUU ini tidak menjejaskan hak kebebasan bersuara kanak-kanak, malah memperkukuhkannya.

"Tribunal Anti Buli diwujudkan untuk melindungi dan mendengar suara kanak-kanak, sama ada mangsa mahupun pelaku, dalam suasana yang selamat dan berstruktur.

"RUU ini menyediakan saluran sivil dan pemulihan supaya kanak-kanak boleh menzahirkan pandangan mereka dengan lebih bebas, tanpa takut kepada stigma atau hukuman jenayah," katanya.

Menurutnya, tafsiran terhadap buli juga mestilah berpaksikan niat, kesan dan konteks bagi memastikan tiada sekatan tidak wajar terhadap interaksi sosial biasa.

"Dengan cara ini, hak kanak-kanak untuk bersuara, menyatakan pandangan dan mempertahankan diri bukan saja terpelihara tetapi diperakui secara rasmi selaras dengan prinsip Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC)," katanya.

Harian Metro hari ini melaporkan kes buli di sekolah di Malaysia melonjak hampir 98 peratus dalam tempoh dua tahun.

Tempoh itu menyaksikan peningkatan sebanyak 7,681 kes tahun lalu daripada 3,883 kes pada 2022.

Dihasilkan pada: November 28, 2025 @ 3:20pm

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



ASNB raikan sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan 2025

© November 28, 2025, Jumaat - 4:54pm



(Tengah) Wan Azizah bersama Noraini (tiga kiri) dan Arshad (dua kiri) semasa pelancaran Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan 2025.

KUALA LUMPUR: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat penuh milik Permodalan Nasional Berhad (PNB), bersama Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menganjurkan sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan 2025 di Stadium Merdeka baru-baru ini.

Bertemakan 'Hari Ini, Suaraku', acara dua hari ini menerima lebih 5,000 pengunjung termasuk pelajar dari 16 sekolah, kanak-kanak autisme, Sindrom Down dan rumah kebajikan.

Sambutan ini bertujuan memperkasakan generasi muda serta meningkatkan kesedaran ibu bapa dan pendidik tentang kepentingan mempersiapkan anak-anak menghadapi masa depan.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail, turut dihadiri Timbalan Menteri KPWKM Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad dan Pengerusi PNB Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda.

Hadiah seperti Anugerah Pingat Hang Tuah, Anugerah Gemilang dan Anugerah Khas disampaikan kepada kanak-kanak yang memberi inspirasi.

Acara menampilkan aktiviti interaktif seperti Bijak Hunt, permainan pendidikan, persembahan pentas, bengkel kreatif dan zon eksplorasi. Ibu bapa juga berpeluang membuka akaun ASNB untuk anak-anak mereka.

Dalam usaha memupuk literasi kewangan, ASNB melancarkan program ASNB Bijak untuk pelabur bawah 17 tahun, membolehkan ibu bapa melabur seawal kelahiran.

Maskot klasik Along, Angah dan Achik diperkenalkan semula untuk menarik minat kanak-kanak, manakala kempen "Jadi Gen Bijak & Menang" menawarkan ganjaran menarik termasuk pas tahunan LEGOLAND dan baucar Kinokuniya serta Decathlon.

Selain itu, Kuiz Pelaburan PNB 2025 telah menarik sebanyak 16,752 penyertaan, meningkat 31peratus berbanding tahun lalu, dengan Penang Free School dinobatkan juara.

Sehingga Oktober 2025, 429 sekolah menengah menyertai program ini, dengan 89 peratus pelajar mula menabung atau melabur, menunjukkan kesan positif Kelab Pelaburan Bijak PNB (KPBPNB) dalam meningkatkan literasi kewangan belia.

"KPBPNB memberi impak nyata terhadap tingkah laku kewangan pelajar dan kami berpuas hati dengan perubahan positif yang dicapai," kata Fadzihan Abbas Mohamed Ramlee, Ketua Pegawai Eksekutif ASNB.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Anemia: Kira-kira 70,000 Kanak-kanak Seluruh Negara Disaring Di Bawah Inisiatif Danone-KPWKM

28/11/2025 05:04 PM



KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Kira-kira 70,000 kanak-kanak di seluruh negara telah menjalani saringan risiko anemia di bawah inisiatif yang diterajui oleh Danone Specialized Nutrition Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK).

Danone, syarikat makanan dan minuman global dalam kenyataan hari ini memaklumkan bahawa angka itu, yang turut merangkumi peningkatan enam kali ganda pada 2025 berbanding ketika program itu dimulakan pada 2023, mencerminkan peralihan daripada kesedaran kepada tindakan pencegahan.

Menurut kenyataan itu, peralihan berkenaan jelas ketara ketika sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan KPWK di Stadium Merdeka pada Ahad lepas, dengan 800 kanak-kanak disaring dalam satu hari.

"Apabila halangan seperti kunjungan ke klinik dan kos dikurangkan, ibu bapa memilih pemeriksaan risiko secara proaktif berbanding menunggu gejala muncul," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Pengurus Negara Danone Specialized Nutrition Malaysia dan Singapura Koh Kok Meng berkata sambutan pada Hari Kanak-Kanak Kebangsaan menunjukkan bahawa ibu bapa memahami kepentingan menangani kekurangan zat besi pada peringkat awal.

"Program ini menunjukkan kemungkinan apabila keupayaan sektor swasta digabungkan dengan capaian kerajaan.

"Hal ini membuktikan bahawa model berkenaan berkesan, namun masih banyak yang perlu dilakukan untuk mencapai jangkauan negara, justeru kami akan terus meluaskan akses melalui titik sentuh komuniti di seluruh negara," katanya.

Dalam kenyataan sama, Pakar Perunding Kanan Paediatric Endokrinologi Universiti Malaya Prof Dr Muhammad Yazid Jalaludin berkata kekurangan zat besi ialah punca anemia paling lazim.

"Penyelidikan menunjukkan bahawa IDA (anemia kekurangan zat besi) boleh memberikan kesan jangka panjang dan tidak dapat dipulihkan terhadap perkembangan otak dengan kanak-kanak terjejas menunjukkan skor IQ hingga 13 mata lebih rendah daripada rakan sebaya mereka. Saringan awal membuka peluang untuk intervensi," katanya.

Danone turut memaklumkan bahawa saringan risiko anemia, yang diteruskan menerusi titik sentuh KPWK dan acara komuniti, dirancang untuk mencapai lebih keluarga di seluruh negara.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM perkemas pengurusan penduduk terjejas banjir

Nasional - Dicipta: 28 November 2025 02:52 PM



Ketua Pengarah JKM, Datuk Che Murad Sayang Ramjan

KUALA LUMPUR, 28 November – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terus memperkukuh keupayaannya dalam menguruskan penduduk terjejas banjir melalui pelbagai penambahbaikan yang dilaksanakan selaras dasar dan mekanisme Pengurusan Bencana yang digariskan NADMA sejak 1 Ogos 2024.

Ketua Pengarah JKM, Datuk Che Murad Sayang Ramjan berkata, walaupun negara berdepan bencana banjir setiap tahun, usaha penambahbaikan berterusan tetap menjadi keutamaan bagi memastikan kebajikan penduduk sentiasa terpelihara.

"Pada setiap tahun memang kita sentiasa berusaha menambah baik apa-apa yang kurang, kita banyak belajar dan terus belajar dengan matlamat akhirnya memberi kesejahteraan kepada semua mangsa yang terlibat," katanya dalam program Selamat Pagi Malaysia, pada Jumaat.

Bawah mandat NADMA, JKM bertanggungjawab menguruskan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sejak peringkat awal, merangkumi pemilihan lokasi selamat, penyediaan kemudahan mesra OKU, warga emas dan kanak-kanak, selain memastikan keperluan asas seperti bekalan air bersih mencukupi.

Pada masa sama, JKM turut menguruskan pengagihan makanan, bantuan psikososial, pendaftaran ketua isi rumah dan ahli keluarga bagi memastikan tiada kecikiran data.

Dalam pada itu, JKM merakamkan penghargaan kepada Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi atas komitmen mempengerusikan mesyuarat berkala bersama agensi berkaitan termasuk NADMA, PDRM, ATM, JPS dan MetMalaysia.

"Kita ada PDRM, ATM, JPS, MetMalaysia, NADMA dan sebagainya, dengan jaringan yang sangat baik ini, apabila berlaku banjir, koordinasi tindakan dapat dilakukan dengan cepat," katanya lagi.

JKM kini menggalakkan masyarakat memuat turun aplikasi MyIB JKM, bagi memudahkan pendaftaran awal maklumat isi rumah serta mengenal pasti PPS terdekat. Setakat ini, 225,285 ketua isi rumah berdaftar dengan lebih 165,000 muat turun aplikasi direkodkan.

Melalui aplikasi itu, mangsa hanya perlu mengimbas kod QR di PPS kerana maklumat telah disimpan dalam sistem. Data pendaftaran turut disambungkan secara terus kepada NADMA dan Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi memudahkan penyaluran Bantuan Ihsan RM1,000 setahun kepada ketua isi rumah terjejas.

Aplikasi MyIB turut dihubungkan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengenal pasti pelajar, termasuk calon SPM, yang ditempatkan di PPS bagi memastikan sokongan sewajarnya dapat disalurkan.

JKM menegaskan komitmen untuk terus meningkatkan pengurusan bencana dari tahun ke tahun demi memastikan penyampaian bantuan lebih cepat, tepat dan tersusun.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Holistic development priority for children under welfare dept's care

METRO NEWS

Friday, 28 Nov 2025

PERAK government is committed to ensuring children placed under the care of the Social Welfare Department (JKM) succeed not only academically but also in life skills and personal development.

State women, family, social welfare, cooperatives and entrepreneur development committee chairman Datuk Salbiah Mohamed said children placed in the three JKM institutions in Perak were there under court orders issued under the Child Act 2001.

She said children under the care of JKM were provided access to formal education according to their age and ability.

"This includes attending nearby schools or classes conducted within the institutions for those still undergoing rehabilitation.

"The focus is on literacy and numeracy to prepare them for mainstream education," she said during the Perak State Assembly sitting at Bangunan Perak Darul Ridzuan in Ipoh, yesterday.

She was replying to a question posed by Muhammad Faisal Abdul Rahman (PN-Trong).

He wanted to know what steps the government was taking to support the education of children in JKM's care.

Salbiah said the government also emphasised character building, emotional stability and self-esteem through regular counselling, psychosocial guidance and motivational programmes to help children overcome trauma and build confidence.

"In addition, children and adolescents are exposed to vocational skills through Technical and Vocational Education and Training (TVET) modules.

"The modules include sewing, basic culinary skills, handicrafts, light automotive work, basic maintenance and creative arts, equipping them with practical skills for employment or entrepreneurship after leaving the institution.

"This holistic approach ensures children in JKM care are given every opportunity to thrive academically, emotionally and professionally," she added.

Salbiah said placement at JKM occurred when children are identified as needing protection due to neglect, abuse, exploitation, unsafe family environments or involvement in social risk behaviours.

"Adolescent girls, in particular, may require additional protection from exploitation.

"JKM institutions are not places of punishment; they are safe spaces for protection, rehabilitation and holistic development, giving children a second chance at life," she said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kehamilan luar nikah remaja realiti membimbangkan perlu pencegahan bersepadu

November 28, 2025 @ 8:00am



Baru-baru ini, Menteri Pembangunan Wanita, Masyarakat dan Keluarga, Datuk Seri Nancy Shukri mendedahkan di Dewan Rakyat seramai 16,951 remaja berusia 19 tahun ke bawah tidak berkahwin, hamil sepanjang tempoh 2020 hingga 2024.

Data diperoleh daripada Kementerian Kesihatan (KKM) itu merekodkan separuh daripadanya membabitkan remaja Melayu, diikuti Iban dengan 11 peratus, Orang Asli di Semenanjung (sembilan peratus), Cina (lima peratus), India (tiga peratus) dan selebihnya kumpulan etnik lain.

Kes hamil luar nikah dalam kalangan remaja boleh dianggap bukan lagi berita mengejutkan. Laporan terbaharu ini menunjukkan ia seperti menjadi normalisasi, tetapi membahayakan. Ia bukan lagi 'sesuatu' yang berlaku 'kepada orang lain' tetapi mungkin keluarga sendiri.

Ironinya, di sebalik pelbagai program dan langkah pencegahan dilaksanakan termasuk menerusi sistem pendidikan, ia seperti tidak cukup untuk melindungi anak gadis kita daripada risiko yang menyedihkan dan memalukan ini.

Ada yang mendakwa pendidikan seksual di sekolah terlalu asas dan tidak menyentuh isu remaja sedang hadapi hari ini. Topik itu disentuh sekilas, biasanya diterangkan dengan pantas demi menjaga sensitiviti, tetapi di alam maya, mereka dilambakkan kandungan seksual dalam beberapa saat.



Foto hiasan

Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) sebelum ini melaporkan kanak-kanak di Malaysia semakin terdedah kepada gangguan seksual di internet, sekali gus menjadi amaran bahawa anak-anak kita sedang diintai saat mereka memegang telefon.

Di rumah pula, ramai ibu bapa seperti lebih senang anak mereka belajar ilmu seksualiti di sekolah atau 'tahu sendiri' sama ada belajar melalui rakan sebaya atau media sosial. Namun, dua sumber ini diketahui tidak selalu betul dan boleh membawa padah.

Sementara itu, masyarakat kita juga terlalu cepat menghukum jika mendengar kes kehamilan luar nikah golongan remaja. Natijahnya, kita lupa ramai remaja terjerumus bukan kerana kenakalan mereka, tetapi tidak faham risiko, dimanipulasi dan tidak berani bertanya kepada orang dewasa.

Justeru, kerajaan perlu mengambil pendekatan lebih tegas dan realistik bagi mencegah 'tragedi seksual ini' menjadi normalisasi seperti di kebanyakan negara Barat dan maju kononnya berpegang kepada prinsip keterbukaan ibu bapa.

Pendidikan seksual komprehensif perlu diperkukuhkan dengan mengajar anak mengenal pasti ancaman seksual, batasan perhubungan antara berbeza jantina, keselamatan digital dan tindakan harus dilakukan terbabit atau mengetahui mereka yang terjerumus 'perbuatan keji'.

Baru-baru ini, kerajaan menyasarkan larangan ke atas golongan berusia bawah 16 tahun membuka akaun media sosial bermula tahun depan bagi mengekang jenayah siber rentas usia termasuk melindungi kanak-kanak daripada pemangsa seksual.

Pendekatan ini sangat tepat pada masanya dan perlu disokong ibu bapa dan masyarakat. Di sini, ia menunjukkan pertahanan pertama di peringkat keluarga amat penting bagi melindungi anak daripada ancaman seksual, di samping sokongan kerajaan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



NADMA hantar 170,000 bekalan makanan, sedia tambah bantuan banjir

Nasional - Dicipta: 28 November 2025 05:56 PM



Foto fail/BERNAMA

KUALA LUMPUR, 28 November - Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) meningkatkan kesiapsiagaan logistik di negeri-negeri berisiko banjir, termasuk penambahan bekalan makanan, kemudahan perlindungan dan aset sokongan infrastruktur.

NADMA dalam satu kenyataan memaklumkan, persediaan sebanyak 60,000 kit makanan (KM) disalurkan untuk mangsa selepas keluar dari Pusat Pemindahan Sementara (PPS), serta 110,000 makanan retort (MRE) untuk petugas operasi, selain kegunaan hari pertama PPS telah dihantar ke depoh seluruh negara.

Agensi berkenaan turut akan bekerjasama dengan pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi menyediakan bekalan makanan semasa bencana secara berfasa.

"Seiring peningkatan kejadian banjir di Semenanjung Malaysia, NADMA telah menerima permohonan tambahan daripada JPNB Perak, Selangor, Kedah serta JKM Perlis yang melibatkan 3,000 unit KM dan 6,700 unit MRE bagi memenuhi keperluan petugas dan mangsa bencana di negeri-negeri tersebut.

"NADMA sedang menyelaras penghantaran bekalan tambahan kepada negeri-negeri yang terlibat dengan kadar segera," menurut kenyataan itu.

Daripada aspek kemudahan tempat perlindungan, sebanyak 128,186 unit Collapsible Cubicle Tent (C-Tent) telah dibekalkan di seluruh negara melalui sumbangan pelbagai pihak.

Ini termasuk daripada NADMA, Yayasan Sultan Johor, PETRONAS, Jabatan Kebajikan Malaysia dan lain-lain.

NADMA turut bersedia menambah penghantaran C-Tent mengikut keperluan semasa, dengan penyelarasan dibuat oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia bagi memastikan kesiapsiagaan setiap negeri berada pada tahap optimum.

"Bagi memperkukuh pemulihan infrastruktur ketika bencana, NADMA turut menempatkan tujuh set Jambatan Keluli Bermodular di lokasi strategik, iaitu tiga set masing-masing di Sabah dan Sarawak serta satu set di Kelantan," kata kenyataan itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JBPM sedia gerakkan aset rentas negeri hadapi banjir

🕒 28 November 2025, 5:09pm



Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JBPM, Datuk Ahmad Izram Osman menerima taklimat keadaan banjir di daerah Hilir Perak

Oleh: Kumaran Rajamoney

TELUK INTAN: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bersedia menggerakkan aset serta keanggotaan secara rentas negeri sekiranya keadaan banjir memburuk pasca ribut tropika Senyar.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JBPM, Datuk Ahmad Izram Osman, berkata persediaan dibuat melalui penempatan Pangkalan Operasi Hadapan (FOB) di beberapa lokasi strategik, membolehkan aset dan anggota digerakkan dengan cepat jika keadaan bertambah buruk.

Menurut beliau, tiga FOB yang telah diaktifkan ialah Bertam bagi kawasan utara, Subang bagi kawasan tengah, serta Wakaf Tapai di Marang, Terengganu bagi Pantai Timur.

Ahmad Izram menjelaskan bahawa aset termasuk helikopter, bot serta jentera berat telah bersiap siaga untuk digerakkan bergantung kepada keperluan negeri terlibat.

"Kita sedia memobilisasi aset dari satu negeri ke negeri yang lain, sekiranya ada keperluan mendesak. Kita mencari laluan yang boleh dilalui untuk memastikan aset berat sampai ke pengkalan hadapan.

"Dari sudut cabaran mobilisasi, pergerakan aset dilaksanakan melalui "chain reaction" bagi memastikan setiap negeri tidak kehilangan kekuatan keanggotaan secara mendadak," katanya ketika ditemui selepas meninjau keadaan banjir di sini, hari ini.

Setakat ini, katanya, tiada keperluan untuk memindahkan anggota secara besar-besaran, dan setiap negeri masih mengekalkan kekuatan operasi masing-masing.

Beliau berkata JBPM telah membuat persiapan awal sejak dua hingga tiga bulan lalu termasuk memastikan enjin bot, pendayung dan aset logistik berada dalam keadaan baik.

"Kita memang sudah bersedia dari segi aset dan keanggotaan. Jika keadaan benar-benar mendesak, barulah kita akan gerakkan anggota tetap, termasuk Pasukan Bomba Sukarela dan Bomba Komuniti," katanya.

Beliau menambah bahawa keadaan masih terkawal dan JBPM belum mengarahkan perubahan syif petugasnya, kerana operasi di lapangan tidak menunjukkan peningkatan risiko mendadak.

Beliau turut menasihatkan penduduk agar lebih berjaga-jaga susulan perubahan iklim dan fenomena cuaca yang tidak menentu menyebabkan kawasan yang sebelum ini tidak pernah dinaiki air turut terjejas buat pertama kali.



Banjir di sekitar Kampung Sejabak, Teluk Intan

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jumlah mangsa banjir menurun kepada 29,804 orang di 9 negeri

🕒 28 November 2025, 6:07pm



KUALA LUMPUR: Jumlah mangsa banjir di sembilan negeri dilaporkan menurun kepada 29,804 orang, membabitkan 9,120 keluarga.

Mereka ditempatkan di 233 pusat pemindahan sementara (PPS) di 35 daerah.

Data terkini dari Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) setakat jam 4 petang tadi menunjukkan, Perlis mencatatkan bilangan mangsa tertinggi dengan 7,345 orang daripada 2,206 keluarga yang ditempatkan di 23 PPS.

Perak pula menempatkan 5,501 mangsa daripada 1,665 keluarga di 46 PPS, manakala Terengganu mencatat 5,470 mangsa daripada 1,606 keluarga di 77 PPS.

Kedah melaporkan 4,056 mangsa daripada 1,296 keluarga di 18 PPS, diikuti Kelantan dengan 3,274 mangsa daripada 1,190 keluarga di 22 PPS.

Selangor pula merekodkan 3,169 mangsa daripada 845 keluarga di 21 PPS, Pahang 769 mangsa daripada 252 keluarga di 22 PPS, Negeri Sembilan 210 mangsa daripada 56 keluarga di 3 PPS, manakala Melaka merekodkan 10 mangsa daripada 4 keluarga di 1 PPS.

Sejak 13 November lalu, dua kematian telah dicatatkan akibat bencana banjir.

Agensi pengurusan bencana terus digerakkan bagi memastikan bantuan sampai ke semua kawasan terjejas, manakala pihak berkuasa menasihatkan penduduk di kawasan berisiko untuk kekal waspada dan mematuhi arahan yang dikeluarkan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Runner' JPN warga emas mengaku tidak bersalah perdagangan bayi perempuan

Zuhainy Zulkiffli
am@metro.com.my



Wanita warga emas dihadapkan di Mahkamah Sesiyen, di sini, atas pertuduhan memperdagangkan seorang bayi perempuan bagi tujuan eksploitasi. FOTO ZUHAINY ZULKIFFLI

Georgetown: 'Runner' bagi urusan dokumen Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dihadapkan di Mahkamah Sesiyen, di sini, hari ini, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan memperdagangkan seorang bayi perempuan bagi tujuan eksploitasi pada 2021.

Tertuduh Tang Wui Soo, 62, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Juraidah Abbas.

Mengikut pertuduhan, wanita warga emas itu didakwa memperdagangkan bayi yang lahir pada 17 November 2021, bagi maksud eksploitasi yang menyalahi undang-undang Seksyen 48 Akta Kanak-Kanak 2001.

Kesalahan itu dilakukan di Island Hospital, Jalan Macalister di sini, pada jam 1.45 tengah hari, 24 November tahun yang sama.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007.

Kesalahan itu memperuntukkan hukuman penjara seumur hidup atau penjara tidak kurang daripada lima tahun dan boleh juga dikenakan hukuman sebat jika disabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Puteri Nor Nadia Mohamed Iqbal manakala tertuduh diwakili peguam RSN Rayer.

Puteri Nor Nadia ketika prosiding menawarkan jaminan sebanyak RM20,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan larangan mengganggu saksi pendakwaan dan perlu menyerahkan passport kepada mahkamah.

Bagaimanapun, Rayer dalam mitigasi rayuan memaklumkan bahawa anak guamnya yang juga suri rumah kepada dua anak, menghadapi pelbagai masalah kesihatan dan sedang menerima rawatan di sebuah hospital di Putrajaya.

"Anak guam saya diberikan jaminan polis pada 20 November lalu tanpa sebarang cagaran.

"Dia tinggal di Jitra, Kedah tetap hadir apabila dihubungi pegawai polis bagi pendakwaan hari ini.

"Saya mohon mahkamah mengambil kira kesemua faktor itu dan memberikan jaminan sebanyak RM5,000 kerana jaminan bertujuan memastikan kehadiran tertuduh ke mahkamah dan bukan bersifat menghukum sebelum seseorang didapati bersalah," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin tempatan serta syarat tambahan yang dimohon timbalan pendakwa raya.

Mahkamah menetapkan tarikh 8 Januari depan bagi sebutan semula kes bagi serahan dokumen.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Suspek yang ditahan di Kampung Bukit Kecil, Setiu hari ini.

Pemuda 'skodeng' wanita dalam tandas dicekup

Oleh NURSYASYA NADHIRAH ZABIDI 28 November 2025, 5:52 pm

KUALA TERENGGANU – Seorang lelaki yang tular kerana disyaki mencerooboh tandas untuk mengintai seorang wanita di sebuah pusat beli-belah di bandar raya ini pada minggu lalu berjaya ditahan polis di Kampung Bukit Kecil, Setiu hari ini.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Azli Mohd Noor berkata, lelaki berusia 24 tahun itu di sebuah kedai gunting rambut pada pukul 11 pagi dan soal siasat awal mendapati suspek mengaku memasuki tandas wanita berkenaan untuk merakam mangsa.

"Begitupun rakaman video terbabit tidak sempat dilakukan ekoran mangsa bertindak menyimbah air mengenai telefon bimbit suspek. Kes disiasat mengikut Seksyen 448 Kanun Keseksaan dan Seksyen 509 akta sama," katanya di sini hari ini.

Kosmo! 22 November lalu melaporkan seorang lelaki berambut perang sedang diburu polis kerana disyaki mencerooboh tandas untuk mengintai seorang wanita di sebuah pusat membeli-belah di bandar raya ini.

Dalam kejadian pada pukul 6.12 petang itu, mangsa yang merupakan seorang jurujual wanita ternampak sebuah telefon bimbit sedang melakukan rakaman dari celahan pintu tandas yang sedang digunakannya.- KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki ditahan cabul remaja perempuan di PPS

Oleh **Nor Fazlina Abdul Rahim** - November 28, 2025 @ 3:53pm



- Foto hiasan

BACHOK: Seorang lelaki ditahan selepas dipercayai mencabul remaja perempuan di sebuah pusat pemindahan sementara (PPS) di Bachok, kelmarin.

Dalam kejadian 11 pagi itu, suspek berusia 21 tahun dikatakan mencabul remaja perempuan berusia 16 tahun.

Difahamkan, kedua-dua mereka tidak mengenali antara satu sama lain dan hanya berborak ketika berada di PPS berkenaan sebelum suspek mencabul mangsa.

Sumber berkata, sejurus kejadian itu, mangsa memaklumkan perkara berkenaan kepada ibunya sebelum laporan polis dibuat.

"Susulan itu, polis terus menahan suspek dan kini ditahan reman," katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Bachok, Superintendan Mohd Ismail Jamaluddin ketika dihubungi mengesahkan kejadian berkenaan.

Katanya, suspek ditahan reman lima hari dan kes disiasat mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Katanya, pemeriksaan lanjut mendapati suspek mempunyai rekod jenayah lampau berkaitan kes dadah dan jenayah.